



Syarikat digesa perluas akses maklumat

SC henti perkenal peraturan berkaitan hubungan pelabur

Oleh Shahrizan Salian

shahrizan@bharian.com.my

SURUHANJAYA Sekuriti Malaysia (SC) tidak akan memperkenalkan lebih banyak peraturan berkaitan hubungan pelabur sebaliknya mahu melihat syarikat senaraian awam secara sukarela meluaskan akses maklumat kepada semua pemegang kepentingan.

Pengerusinya, Datuk Ranjit Ajit Singh, berkata maklumat yang disampaikan syarikat senaraian awam perlu lengkap, bermakna dan tepat pada masanya, mengikut amalan penyampaian maklumat telus.

"Begitupun, SC tetap memantau amalan dan pendedaran dibuat untuk memastikan pelabur mendapat akses maklumat secara mudah serta tepat pada masanya," katanya pada majlis Anugerah Hubungan Pelabur Malaysia Kali Kedua 2012 anjuran Persatuan Hubungan Pelabur Malaysia (MIRA) di Kuala Lumpur, semalam. Hadir sama, Ketua Eksekutif Bursa Malaysia Bhd, Datuk Tajuddin Atan dan Pengerusi MIRA, Audrey Ho.

Ranjit berkata, arah aliran

semasa menyaksikan pengawal selia global mula mengalihkan tumpuan kepada amalan hubungan persendirian antara syarikat, broker, penganalisis serta pelabur masing-masing.

Katanya, risiko yang perlu dielakkan adalah berkongsi maklumat bukan umum sehingga menyebabkan berlaku penyalahgunaan dalam pasaran.

"Di Amerika Syarikat, amalan itu dipantau rapi pengawal selianya," katanya.

Tegasnya, maklumat yang sengaja disembunyikan atau layanan berbeza akan menafikan pelabur, khususnya pelabur runcit mendapatkan gambaran menyeluruh sekaligus mengurangkan keupayaan mereka untuk membuat keputusan pelaburan bermaklumat.

"Inilah isu yang timbul suluan tawaran awam permulaan (IPO) facebook baru-baru ini," katanya.

Beliau berkata, perkara paling mustahak perlunya perubahan cara berfikir mengenai bagaimana syarikat mendedahkan maklumat kepada

masyarakat pelabur.

Katanya, ahli lembaga pengarah, ketua eksekutif dan ketua pegawai kewangan tunjang kepada proses terbabit dan mereka boleh menerajui perubahan dalam syarikat masing-masing.

Pada majlis semalam, CIMB Group Holdings Bhd muncul pemenang terbesar di bawah kategori syarikat bermodal besar apabila membawa pulang empat anugerah termasuk Syarikat Terbaik Hubungan Pelabur, CEO Terbaik Hubungan Pelabur, Profesional Terbaik Hubungan Pelabur dan 'Laman Web Hubungan Pelabur Terbaik.

AirAsia Bhd pula mengungguli kategori syarikat bermodal sederhana dengan merangkul anugerah CEO Terbaik Hubungan Pelabur dan Profesional Terbaik Hubungan Pelabur.

Sebanyak 20 anugerah diberi kepada syarikat senaraian awam bagi mengiktiraf peranan dalam bidang hubungan pelabur. Anugerah dibahagikan mengikut saiz permodalan syarikat.



TAJUDIN (kiri) dan Ranjit (dua dari kiri) pada majlis Anugerah Hubungan Pelabur Malaysia Kedua 2012 di Kuala Lumpur, semalam.